

KAPSUL MASA 'ASPIRASI'

Shakir sumbang baju silat untuk disimpan dalam kapsul masa



UNTUK GENERASI AKAN DATANG: Para atlit lama dan baru berdiri di hadapan kapsul 'Aspirasi'. – Foto THE STRAITS TIMES

► **ZAINAL JAMARI**
jaz@sph.com.sg

SEKITAR 24 tahun dari sekarang, juara silat dunia, Shakir Juanda, akan berusia 51 tahun – sudah ada anak dan mungkin sudah bercucu.

Jika beliau tidak lagi seghairah nahu memenangi pertandingan seperti menjadi juara dunia di Chiangrai, Thailand, pada 2012, keghairahannya mungkin tertumpu pada warisan yang ditinggalkannya hari ini.

Ini kerana baju yang dipakai Shakir semasa menjadi juara dunia 2012 telah disimpan dalam sebiji kapsul masa yang ditanam di Waterfront di Hab Sukan dan hanya akan dibuka pada 2040.

Baju sumbangan beliau merupakan antara 50 barang yang dipilih disimpan dalam kapsul keluli bernama "Aspirasi" sebesar 1.4 meter x 1.4 meter x 1.4 meter.

Lima puluh barang yang terpilih

itu melambangkan aspirasi sukan negara kita. Antara barang yang disumbangkan termasuk teks ucapan Perdana Menteri Lee Hsien Loong di acara Raikan Belia!; visor dan sarung tangan penembak negara, Martina Veloso; pingat 400 meter rampaian perseorangan perenang, Zachary Ian Tan; dan sebiji bola yang diberikan di kejohanan Piala Lion City Canon 2013 yang ditandatangani pemain bola dari Saturday Night Lights – satu program di bawah Yayasan SportCares.

Ditemui di majlis penutupan dan penanaman kapsul tersebut kelmarin, Shakir berkata: "Saya bangga kerana baju yang saya pakai semasa menjadi juara silat dunia terpilih untuk kapsul masa ini.

"Ia akan memberi inspirasi kepada generasi ketika itu bahawa kami juga pernah dan telah berusaha mengharumkan nama negara.

"Saya harap panjang umur untuk

melihat kandungan kapsul ini apabila dibuka pada 2040 nanti."

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheik Alau'ddin Yaacob Marican, berkata: "Saya harap ia dapat menjadi inspirasi kepada anak muda masa depan agar mereka dapat melihat kembali pencapaian kita sekarang."

Presiden Persatuan Tinju Amatir Singapura (Saba), Syed Abdul Kadir, berkata: "Ini satu langkah yang baik kerana generasi akan datang sekurang-kurangnya dapat mengetahui aspirasi generasi hari ini."

Pengerusi Sport Singapore, Richard Seow, yang menjadi tetamu terhormat di upacara kelmarin, berkata kapsul masa itu mencerminkan kepercayaan pada belia Singapura.

Kapsul tersebut telah ditutup secara simbolik oleh Encik Lee sempena perasmian Hab Sukan Singapura di upacara Raikan Belia! pada Julai tahun lalu.